



## **BAB KEEMPAT**

FAKTOR-FAKTOR KEJATUHAN PERADABAN  
ISLAM MELAKA

## BAB KEEMPAT : FAKTOR-FAKTOR KEJATUHAN PERADABAN ISLAM MELAKA

### 4.0 PENGENALAN

Sudah menjadi hukum alam, iaitu setiap yang bernyawa pasti akan menemui ajalnya, setiap yang terbina biar seutuh mana sekalipun, akan menempuh suatu proses kemerosotan dan kemunduran yang membawa kehancuran. Menyoroti sejarah peradaban manusia, dunia menyaksikan puluhan kerajaan dan empayar agung telah berjaya membina peradaban gemilang di persada antarabangsa, namun secara beransur-ansur melalui era kemerosotan dan akhirnya musnah.

Penelitian terhadap teori '*umran*' Ibn Khaldun mengenai kejatuhan sesebuah peradaban memberikan penumpuan terhadap peranan yang dimainkan oleh faktor-faktor dalaman dan luaran. Bagi Peradaban Islam Melaka, faktor luaran iaitu serangan kuasa Portugis amat berpengaruh. Namun, kelemahan dalaman adalah aspek terpenting yang menjadi penyebab awal kepada kemerosotan dan seterusnya kejatuhan peradaban tersebut. Bab ini akan menumpukan kajian terhadap peranan yang dimainkan oleh faktor-faktor dalaman dan luaran.

## 4.1 FAKTOR-FAKTOR DALAMAN

### 4.1.1 Kelemahan Pemerintahan

Dari segi tradisinya, pensejarahan tradisional melihat peranan yang dimainkan oleh seseorang pemerintah dari aspek keperibadian dan pengurusan adalah amat penting dalam menjamin kelangsungan peradaban yang bukan sahaja aman, bahkan berkembang pesat. Tetapi, Kehadiran keperibadian yang bersifat negatif dan jelek akan membantutkan perkembangan peradaban tersebut. Sejak sekian lama telah wujud kecenderungan di kalangan sesetengah sarjana untuk membincangkan persoalan kebangkitan dan kejatuhan peradaban yang berkait rapat dengan keperibadian seseorang pemerintah.

#### i) Kelemahan Kepimpinan Sultan Mahmud Syah

Melalui wasiat-wasiat dan cerita-cerita mitos yang dapat dijadikan panduan dan teladan, jelas bahawa faktor utama kejatuhan Peradaban Islam Melaka adalah berpunca daripada diri raja atau pemimpin negara. Walaupun pengarang *Sejarah Melayu* cuba mengelak daripada menyalahkan sultan-sultan Melaka, namun berdasarkan nada negatif yang berterusan dalam merekodkan peristiwa-peristiwa sebelum tahun 1511 oleh pengarang *Sejarah Melayu*, dapat disimpulkan bahawa Sultan Mahmud Syah telah dipersalahkan. Namun, keburukan dan kezaliman baginda tidak digambarkan secara eksplisit, sebaliknya secara simbolik.

Kebanyakan pengkaji menyifatkan pemerintahan Sultan Mahmud Syah lebih mengikut nafsu dan berkepentingan diri. Baginda digambarkan sebagai tidak mengamalkan tuntutan

syariah dengan sepenuhnya, suka mengambil hak orang lain, tidak adil dalam mengendalikan kehakiman, bersikap zalim, pilih kasih, mementingkan kemewahan dan terlibat dalam perzinaan (McRoberts, 1984:30). Tome Pires menggambarkan Sultan Mahmud Syah sebagai seorang yang bersifat buruk. '*... and this king was less just than any of the previous ones, very luxurious, intoxicated with opium every day*' (Cortesao, 1944:252-253).

Bukti yang paling penting untuk diketengahkan menunjukkan kebimbangan terhadap keperibadian baginda ialah wasiat ayahandanya. Sultan Alauddin Riayat Syah meramalkan bahawa takhta kerajaan Sultan Mahmud Syah akan menemui kemusnahan sekiranya baginda berterusan menghukum secara keras dan tanpa hak ke atas orang-orang Melayu yang tidak bersalah. Wasiat ini seolah-olah menggambarkan bahawa kejatuhan Peradaban Islam Melaka pada tahun 1511 adalah balasan kekejaman Sultan Mahmud ke atas rakyat jelata.

Dan segala anak Melayu bagaimanapun besar dosanya, jangan olehmu diaifi dia, dan sampai kepada hukum syarak dosanya derhaka, bunuhlah; kerana segala Melayu itu ketanahanmu, seperti kata Arab *Al-'abdi tina'l-maulahu*, yang hamba itu tanah tuhannya. Jikalau engkau bunuh ia tiada dengan dosanya, bahawa kerajaanmu binasa.

(A. Samad Ahmad, 2000:187)

Selain itu, sebelum mangkat Bendahara Paduka Raja turut meninggalkan wasiat kepada Sultan Mahmud Syah agar jangan terlalu mengikut nafsu dan jangan mendengar fitnah seseorang. Bendahara Paduka Raja mungkin telah menyedari sifat negatif dan tidak sihat yang wujud dalam diri Sultan Mahmud Syah. Ini jelas apabila buat pertama kalinya beliau mengingatkan baginda akan tugas pemerintahannya. Pandangan dan anggapan Bendahara

ini adalah bertepatan sekali apabila diteliti keperibadian yang ditunjukkan oleh Sultan Mahmud Syah selanjutnya (Yusoff Iskandar, 1997:51).

...hendaklah Tuanku jangan dengar-dengaran akan sembah orang yang tiada sebenarnya. Jikalau Tuanku dengar-dengaran akan kata orang yang fitnah itu, Tuanku menyesal kelak. Adapun yang kehendak nafsu itu daripada waswas syaitan ‘alaihi’la’nat. Banyak raja-raja yang besar-besar dibinasakan Allah kerajaannya sebab menurut hawa nafsunya.

(Shellabear, 1992:142)

#### **a) Pentingkan Hawa Nafsu**

Salah satu sifat negatif Sultan Mahmud Syah ialah terlalu mementingkan hawa nafsu sehingga sanggup menjadikan anak dara, tunangan dan isteri orang sebagai kendak-kendaknya (1). Satu daripada peristiwa yang amat masyhur sehingga baginda nyaris terbunuhan ialah baginda berlaku curang dengan isteri Tun Bajid. Peristiwa ini menimbulkan kemarahan Tun Bajid. Sambil menimang-nimang lembingnya, beliau berkata : “Hai Sultan Mahmud, demikiankah pekerjaan tuan hamba akan hamba? Sayang tuan hamba tuan pada hamba; jikalau tuan hamba bukan tuan kepada hamba, jika tiada lembing ini kutumbukkan di dada bukannya hamba anak laki-laki” (Shellabear, 1992:143).

Bagi meredakan keadaan, Sultan Mahmud Syah mengurniakan gundik baginda, Tun Iram Sendari untuk diperisterikan oleh Tun Bajid. Sekiranya anak Melayu tidak bersungguh-sungguh memegang konsep ‘anak Melayu pantang derhaka’ sudah tentu Sultan Mahmud Syah mangkat lebih awal daripada waktunya. Malangnya, Sultan Mahmud Syah tidak insaf dengan peristiwa tersebut. Pada ketika yang lain, baginda terlibat pula dengan peristiwa

Tun Dewi. Baginda amat murka apabila mendapati Tun Ali Sandang terlebih dahulu berada di rumah Tun Dewi. Baginda mengisyaratkan kepada Tun Isap agar membunuh Tun Ali Sandang.

Sifat baginda yang sanggup berbuat apa-apa sahaja bagi memenuhi kehendak nafsunya jelas terpamer dengan peristiwa penculikan Tun Teja, walaupun Tun Teja telah menjadi tunangan Sultan Abdul Jamil. Baginda mendengar tentang kecantikan Tun Teja melalui Seri Dewa Raja dan berazam untuk memilikinya. "...terlalu baik parasnya, di dalam tanah Pahang seorang pun tiada samanya pada zaman itu, dan lakunya sedap manis tiada berbagai; dan Tun Teja itu jika lada sulah dikupaskannya dengan giginya betul belah dua, tiada sipi, demikianlah peri akasnya" (Shellabear, 1992:165). Baginda menawarkan hadiah lumayan kepada sesiapa yang dapat membawakan Tun Teja untuknya. Keperibadian Sultan Mahmud yang sering mengikut dorongan emosi dan nafsu 'gila akan perempuan' tidak terkawal lagi apabila baginda bertindak membunuh Bendahara Tun Mutahir dan keluarganya semata-mata ingin memiliki tubuh Tun Fatimah.

Kisah mitos peminangan Puteri Gunung Ledang merupakan satu simbolik dan sindiran secara kreatif sastera terhadap sifat Sultan Mahmud Syah yang bernafsu besar. Baginda merasakan dirinya seorang raja besar dan memerlukan seorang isteri yang luar biasa hebatnya agar berbeza dengan raja-raja yang lain. Keegoan Sultan Mahmud Syah terpancar daripada kata-kata baginda : "Jikalau kita hendak beristerikan sama anak raja, raja yang lain adalah; yang kita kehendaki barang yang tiada pada raja-raja yang lain, itulah yang hendak kita peristeri" (A.Samad Ahmad, 2000:213).

Begitulah watak dan perwatakan Sultan Mahmud Syah. Cerita di atas menggambarkan bahawa dasar kemanusiaannya ditewaskan oleh kehendak nafsu yang berkaitan dengan perempuan dan seks. Sejarah membuktikan bahawa Oramai pemerintah agung di dunia jatuh di kaki wanita yang seterusnya mengakibatkan kehancuran negara. Ini bertepatan sekali dengan apa yang diketengahkan oleh Ibn Khaldun :

*Among the things that corrupt sedentary culture, there is the disposition toward pleasures and indulgence in them, because of the great luxury (that prevails). It leads to diversification of the desires of the belly for pleasurable food and drinks. This is followed by diversification of the pleasures of sex through various ways of sexual intercourse, such as adultery and homosexuality. This leads to destruction of the (human) species.*

(Rosenthal, 1958, II:295)

### b) Bersifat Pendendam

Sifat pendendam yang wujud di dalam diri Sultan Mahmud Syah menyebabkan baginda mudah mengambil tindakan tanpa usul periksa. Tindakan zalim baginda mengenakan hukuman bunuh ke atas Bendahara Tun Mutahir dan keluarga adalah didorong oleh perasaan dendam kerana Bendahara tidak mempersesembahkan anaknya Tun Fatimah untuk diperisterikan oleh baginda. Kemurkaan baginda meluap-luap apabila melihat kecantikan rupa paras Tun Fatimah di majlis persandingannya.

Sifat pendendam baginda juga terserlah dalam peristiwa pembunuhan Seri Bija Diraja, iaitu penguasa Singapura. Beliau dihukum bunuh hanya kerana terlewat menghadap Sultan Mahmud Syah pada hari raya. Baginda mengesyaki sikap tersebut sebagai mengandungi unsur derhaka. Walhal, perasaan baginda itu didasari oleh dendam dan rasa terhina baginda

terhadap kata-kata Seri Bija Diraja ‘Beta tiada mendengar armanat marhum’ (A.Sainad Ahmad, 2000:187) sewaktu pertabalan baginda menaiki takhta. Kata-kata ini memberikan bayangan penolakan terhadap pertabalan tersebut menyebabkan Sultan Mahmud Syah menyimpan dendam di dalam hati.

#### c) Cemburu

Sultan Mahmud Syah juga digambarkan sebagai seorang yang cemburu terhadap kelebihan orang lain. Sifat ini dapat dilihat dalam peristiwa pembunuhan Raja Zainal yang terkenal dengan paras rupa yang cantik dan digilai oleh ramai wanita. Raja Zainal telah dibunuh secara rahsia dan penuh misteri. Peristiwa ini merupakan suatu simbolik sifat baginda yang sanggup membunuh sesiapa sahaja walaupun saudara terdekat demi kepentingan peribadi (2).

#### d) Sikap Pilih Kasih

Selain kelemahan peribadinya berhubung soal-soal seks, satu lagi sifat negatif yang wujud di dalam diri Sultan Mahmud Syah ialah mengamalkan sikap nepotisme atau pilih kasih, iaitu dengan melindungi orang-orang yang dikasihinya walaupun mereka telah melakukan jenayah. Sikap yang keterlaluan sebegini menyebabkan pentadbiran negara menjadi kucar-kacir. Sultan Mahmud Syah sangat kasih kepada empat orang pembesar Melaka iaitu Seri Dewa Raja, Tun Umar, Hang Isa Pantas dan Hang Husain Jong. Mereka sering dilindungi daripada hukuman (Mustafa Mohammad Isa, 1977:41).

Misalnya, baginda tidak mengambil apa-apa tindakan ke atas Seri Dewa Raja yang membunuh Tun Isap, walaupun kesalahan Tun Isap diampuni baginda. Kesabaran baginda akan gelagat dan kelakuan Seri Dewa Raja juga menunjukkan beliau amat dikasihi. Baginda juga sedaya upaya berusaha untuk memenuhi hajat dan hasrat keempat-empat orang yang dikasihinya (Shellabear, 1992:145). Di samping itu, Sultan Mahmud Syah turut melindungi Sang Guna yang didapati bersekedudukan dengan isteri Sang Sura.

Sa-telah berapa lama-nya, maka isteri Sang Sura pun bermukah dengan Sang Guna, maka Sang Sura pun tahu ; maka Sang Guna di-adang oleh Sang Sura... Telah didengar oleh Sultan Mahmud, maka baginda terlalu sayang akan Sang Guna, kerana Sang Guna pada ketika itu bukan barang2 orang ; ia-lah yang pertama membuat keris tempa Melaka , panjang tengah tiga jengkal. Tetapi Sultan Mahmud sangat sayang akan Sang Sura. Maka tiada-lah terbichara oleh Baginda.

(Agus Salim, 1969:117)

Sikap-sikap sebegini ini adalah sikap yang tidak bijak dan tidak seharusnya ada pada seseorang pemimpin. Undang-undang Melaka menetapkan hukuman bunuh terhadap kesalahan mengambil atau bersekedudukan dengan isteri orang oleh suami perempuan tersebut tanpa mengira dia seorang pembesar atau rakyat biasa. Hukuman yang sama juga dikenakan ke atas kesalahan mengambil tunangan atau anak dara orang lain. Namun, dalam episod Sultan Mahmud Syah berlaku curang dengan isteri Tun Biajid dan perampasan Tun Teja, baginda terselamat daripada hukuman. Kes seumpama ini berulang dalam peristiwa Sang Guna bersekedudukan dengan isteri Sang Sura. Tahir b. al-Husayn, seorang jeneral di zaman al-Ma'mun, pernah menulis sepucuk warkah kepada anak beliau, 'Abdallah b. Tahir ketika dilantik menjadi gabenor al-Raqqah, Mesir yang berupa nasihat. Katanya :

*Apply the punishments that God has ordained for criminals, according to their station and according to what they deserved. Do not disregard it and do not make light of it. Do not postpone the punishment of those who must be punished. If you fall short in this respect, it will help spoil the good opinion (people have) of you.*

(Rosenthal, 1958, II:144)

Selain wasiat-wasiat yang merupakan suatu peringatan kepada raja-raja Melayu, *Sejarah Melayu* turut menggambarkan satu peristiwa penting apabila Sang Sapurba Taram Sri Tribuana telah membuat satu perjanjian atau perlombagaan dengan Demang Lebar Daun yang dikenali sebagai ‘waadat’.

...Jikalau raja Melayu itu mengubahkan perjanjian dengan hamba Melayu, dibinasakan Allah subhanahu wa taala pada segala raja-raja Melayu, tiada pernah memberi aib kepada segala hamba Melayu, jikalau sebagaimana sekalipun besar dosanya, tiada diikat dan tiada digantung, difadihatkan dengan kata-kata yang keji hingga sampai pada hukum mati, dibunuuhnya. Jikalau ada seorang raja-raja Melayu itu memberi aib seseorang hamba Melayu, alamat negerinya akan binasa.

(A.Samad Ahmad, 2000:26)

Waadat ini bertujuan untuk mengingatkan raja-raja Melayu akan tanggungjawab mereka sebagai seorang pemerintah. Yusoff Iskandar (1997:50) dengan panjang lebar menjelaskan bahawa di dalam *Sejarah Melayu* dan *Suma Oriental* digambarkan Sultan Mahmud Syah sebagai Sultan Melaka yang paling banyak mencabuli waadat tersebut. Pencabulan ini mengakibatkan keruntuhan Peradaban Islam Melaka kerana telah dipersetujui bersama, rakyat tidak boleh dianiaya dan dizalimi dengan sewenang-wenangnya sedangkan inilah yang dilakukan oleh Sultan Mahmud Syah. ‘...maka apabila zalim raja-raja alamat kebinasaan negeri itu’ (Mushi Abdullah, 1960:101). Ibn Khaldun pernah mengingatkan ‘*The proven fact is that civilization inevitably suffers losses through injustice and hostile act*’ (Rosenthal, 1958, II:106). Jika diamati, banyak perbuatan baginda yang melampaui

batas persetiaan tersebut. Daripada cerita di atas juga, jelas bahawa unsur-unsur feudal yang masih menebal di dalam masyarakat Melayu menyaksikan sultan dan para pembesar menggunakan kuasa mutlak untuk menindas dan menzalimi rakyat jelata (3).

### **ii) Kelemahan Kepimpinan Bendahara Paduka Tuan**

Perlantikan Bendahara Paduka Tuan sekali lagi memperlihatkan kegopohan Sultan Mahmud Syah kerana ianya bukanlah suatu pilihan yang bijak. Keuzuran beliau tidak mengizinkan beliau untuk menguruskan hal ehwal pentadbiran empayar Peradaban Islam Melaka yang begitu luas. Menyedari kelemahannya, beliau sendiri menolak pelantikan tersebut, namun didesak oleh Sultan Mahmud Syah untuk menerimanya. Dengan keuzuran yang sebegini rupa, sudah semestinya beliau tidak berupaya menghadapi tentera Portugis.

*Sejarah Melayu* mencatatkan

...akan Paduka Tuan itu telah tualah, gigi pun sudah tanggal habis, dan kaki pun telah tepok ; duduk di muka pintu, di sana duduk di sana tidur, makan pun di sana, berak pun di sana dan kencing pun di sana. Apabila orang banyak datang mengadap di selasar, dinaikkan tabir, dan apabila Paduka Tuan hendak masuk dilabuhkan tabir.

(A. Samad Ahmad, 2000:259)

### **iii) Kelemahan Kepimpinan Sultan Ahmad Syah**

Pelantikan Sultan Ahmad Syah menggantikan Sultan Mahmud Syah tidak membaiki keadaan. Sikap baginda saling tak tumpah seperti ayahanda baginda. Baginda tidak berkebolehan dalam melaksanakan urusan pentadbiran negara dan tidak berminat membaiki sistem pentadbiran negara yang goyah akibat ketiadaan bendahara yang berkebolehan.

Sikapnya yang suka berfoya-foya memburukkan lagi keadaan. Baginda juga enggan menerima nasihat dan tunjuk ajar para pembesar yang berpengalaman. Sikap baginda yang mengasihi sesetengah pembesar dan membenci sesetengah yang lain menyukarkan baginda untuk melaksanakan pemerintahan yang cekap, adil serta aman di dalam negara (Zainal Abidin Abd. Wahid, et al., 1992:54).

#### **4.1.2 Kelunturan Semangat ‘Asabiyyah Akibat Persengketaan dan Perebutan Kuasa**

Proses penyerapan golongan asing ke dalam masyarakat Melaka telah berlaku sejak awal penubuhan Melaka. Contohnya, golongan Tamil Muslim merupakan golongan pendatang yang paling ramai dan sebahagian besarnya memainkan peranan penting dalam politik Melaka. Mani Purindam umpamanya, berkahwin dengan anak perempuan keluarga bangsawan Melayu, Seri Nara Diraja. Perkahwinan ini menandakan bermulanya kemasukan elemen-elemen bukan pribumi dan bermulanya tradisi dominasi kekeluargaan Tamil Muslim ke dalam institusi politik Melaka. Perkahwinan Sultan Muhammad Syah dengan Tun Wati, anak Mani Purindam memperkuat lagi pengaruh golongan ini.

Bibit-bibit perpecahan mula kelihatan apabila berlakunya perebutan kuasa di kalangan putera raja daripada golongan Melayu dan Tamil Muslim. Menurut *Sejarah Melayu*, perebutan itu pernah berlaku antara dua orang putera Sultan Muhammad Syah. Takhta pemerintahan telah diserahkan kepada Sultan Abu Syahid yang dipangku oleh Raja Rekan kerana baginda masih di bawah umur. Bonda baginda merupakan puteri Raja Rekan. Raja Kassim, anak Tun Wati berjaya menaiki takhta dengan gelaran Sultan Muzaffar Syah setelah melancarkan gerakan menggulingkan kerajaan. Sejak dari awal, *Sejarah Melayu* menggambarkan tokoh-tokoh politik Melayu enggan menerima unsur asing dalam struktur

pentadbiran politik Melaka. Misalnya, Bendahara Wak Raja menunjukkan reaksi negatif dengan membunuh diri ekoran peristiwa tersebut.

Persengketaan ini berlanjutan apabila penyokong-penyokong Tun Perak bermusuhan dengan penyokong-penyokong Tun Ali. Permusuhan ini hanya mampu diselesaikan buat sementara waktu oleh Sultan Muzaffar Syah. Perpecahan tercetus kembali selepas pelantikan Bendahara Tun Mutahir kerana peristiwa ini mengembalikan pengaruh golongan Tamil Muslim dalam kancang politik istana. Pembesar-pembesar Melayu berharap agar anak Tun Perak dilantik ke jawatan tersebut. Sikap Tun Mutahir yang mementingkan kaum kerabatnya dalam menjawat jawatan tertentu menimbulkan kemarahan ramai. Ini dijelaskan oleh Wilkinson (1935:64-65) :

*It is often forgotten that there were two families eligible for his high office : one Malay family and one from India. As Tun Mutahir belonged to the latter he must have been thought an interloper; only by the wish of the Sultan's mother had he been 'made bendahara' over the head of Tun Perak's distinguished son, the 'Dato' Paduka Tuan... He, his son and his brother monopolized between them the three highest offices in the State. He had made an enemy of the new laksamana, Hang Tuah's son-in-law and successor, and he must have made enemies of all Tun Perak's descendants who were shut out from office.*

Salah satu kelemahan sistem politik Melaka yang mendorong ke arah tercetusnya perebutan kuasa dan perbalahan ialah ketiadaan satu sistem penggantian secara automatik seperti *primogeniture*, iaitu hak putera sulung untuk mewarisi takhta. Seseorang sultan boleh menamakan pewarisnya, tetapi pertabalan pemerintah yang baru terletak di tangan Bendahara dan golongan bangsawan yang mendominasi majlis di raja. Pengganti sultan tidak banyak bergantung kepada faktor keturunan atau keterampilan seseorang bakal

pengganti raja, sebaliknya bergantung kepada sokongan golongan mana yang menguasai majlis diraja (Tan Ding Eing, 1975:9).

Persengketaan dan perbalahan yang berterusan generasi demi generasi secara beransur-ansur melunturkan semangat '*asabiyah*' di kalangan masyarakat Melaka. Sehubungan itu, perebutan kuasa juga menjadi faktor yang memusnahkankan peradaban sesebuah negara.

#### **4.1.3 Peranan Golongan Saudagar-saudagar Asing**

Peranan golongan saudagar asing sebagai salah satu faktor utama yang menyumbang kepada kejatuhan Peradaban Islam Melaka tidak boleh dikesampingkan. *Sejarah Melayu* memperlihatkan masyarakat Melaka merupakan masyarakat heterogeneous yang terdiri daripada pelbagai bangsa, iaitu masyarakat tempatan dan pedagang-pedagang asing yang datang dari Jawa, Gujerat, China, Malabar, Burma, dan serata pelosok dunia. Sikap orang-orang asing terhadap Melaka dan rajanya banyak bergantung kepada kepentingan peribadi masing-masing. Tome Pires pernah mengingatkan '*in trading-lands, where the people are of different nations, these cannot love their king as do natives without edmixture of other nations*' (Filipe, 2000:60).

Pedagang-pedagang asing tidak setia kepada kerajaan Melaka semasa Portugis menyerang Melaka. Mereka bukan sahaja tidak membantu mempertahankan Melaka, sebaliknya menghulurkan bantuan kepada pihak musuh. Adalah sesuatu yang sukar untuk menuntut kesetiaan yang tidak berbelah bagi daripada orang-orang asing kerana mereka lebih merupakan golongan oportunistis yang mementingkan keselamatan nyawa dan perniagaan sendiri daripada keselamatan dan kedaulatan Melaka. Bagi saudagar-saudagar Arab, Parsi

dan India Muslim yang dikurniakan status istimewa dan mempunyai pertalian rapat dengan golongan bangsawan dan istana, ketaatan mereka terhadap Melaka barangkali agak jelas. Namun, sikap sebegini berbeza dengan anggota masyarakat pedagang asing yang lain. Mereka melihat Melaka tidak lebih daripada sebuah lubuk yang membekalkan potensi ekonomi yang amat menguntungkan.

Persoalan siapa yang memegang teraju pemerintahan tidak timbul sama sekali. Selagi keselamatan, kepentingan dan keuntungan dagang mereka terjamin dan terpelihara, selagi itulah pemerintah ditaati tanpa mengira bangsa. Falsafah ‘di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung’ tidak tersemai di jiwa mereka. Penawanan jambatan utama di Melaka dan pembakaran penempatan penduduk di sepanjang pantai menyebabkan saudagar-saudagar asing mula merasakan yang ketaatan terhadap Peradaban Islam Melaka akan memporak-perandakan kepentingan ekonomi mereka. Menyaksikan kemenangan mula berpihak kepada Portugis, satu demi satu komuniti saudagar-saudagar asing beralih arah ketaatsetiaan kepada Portugis bagi menentukan keselamatan mereka terjamin.

Tidak dapat dipertikaikan bahawa saudagar-saudagar Cina adalah antara golongan saudagar pertama yang menghulurkan sokongan dan bantuan kepada Portugis. Ini dilakukan dengan membekalkan lima buah tongkang bagi membantu Portugis menguasai jambatan utama Melaka yang mempunyai kedudukan yang strategik. Saudagar-saudagar Cina ini ingin membalas dendam terhadap Sultan Mahmud Syah yang menahan kapal-kapal mereka untuk digunakan dalam kempen menentang Aru. Mereka juga ingin mendapatkan perlindungan daripada Portugis dan pelepasan awal untuk membebaskan diri daripada Melaka (Buyung Adil, 1974:63). Menyedari bahawa Melaka tidak mempunyai bekalan makanan tempatan yang mencukupi, malah terpaksa bergantung kepada makanan import, saudagar-saudagar

Cina menyarankan agar Portugis menyekat bekalan makanan dari Jawa dan Pasai. Tindakan ini dilakukan adalah untuk memastikan agar penduduk Melaka dilanda kebuluran dan sekaligus melemahkan kekuatan ketenteraan Melaka.

Namun, pembelotan terhadap Peradaban Islam Melaka tidak hanya melibatkan saudagar-saudagar Cina. Hal yang sama juga berlaku kepada saudagar-saudagar asing yang lain. Nina Chatu, seorang saudagar beragama Hindu yang kaya-raya telah memainkan peranan aktif dalam membantu Portugis. Beliau telah membantu menyeludup keluar surat Ruy de Aroujo untuk dihantar ke Goa yang memberikan maklumat terperinci mengenai sistem pertahanan Melaka. Maklumat dan bantuan yang diberikan memudahkan Portugis menyerang kota Melaka. Penghormatan diberikan kepadanya sehingga apabila askar-askar Portugis memasuki kota Melaka, rumahnya tidak diganggu.

Manakala Utumiti Raja yang merupakan ketua komuniti orang-orang Jawa di Melaka telah menghadiahkan cendana kepada Albuquerque secara rahsia dan menjanjikan bantuan-bantuan sulit kepada Portugis. Di samping itu, saudagar-saudagar bukan Islam tidak menunjukkan rasa taat setia kepada Sultan Mahmud Syah kerana iri hati dengan dasar pilih kasih terhadap saudagar-saudagar Muslim terutama dari Gujarat.

*But although there were many merchants mainly Muslims, who supported the Sultan, there were many others, among these the non-Muslim Chinese and Indians, who did not. These people resented the privileged position given to the Muslim merchants and the impositions placed upon them by the Malacca authorities. These Indian and Chinese merchants hoped for, but, when they saw the size of d'Albuquerque's force, did not expect, a Portuguese victory. Thus a large proportion of merchants were either actively or passively hostile to the government.*

(Ryan, 1980:40)

Daripada cerita di atas, jelas menggambarkan bahawa Peradaban Islam Melaka tidak boleh bergantung kepada komuniti saudagar-saudagar asing bagi mempertahankan Melaka daripada serangan luar. Sebagaimana yang ditekankan berulang kali oleh Ibn Khaldun, ‘*Asabiyyah* bertapak kukuh di dalam kehidupan yang serba kekurangan, di mana ikatan darah seketurunan terjalin erat. Namun, unsur ini semakin terhakis dan hampir lenyap di dalam masyarakat yang berkembang dan bercampur aduk dengan bangsa lain (al-Azmeh, 1982:70-71).

#### **4.1.4 Kelemahan Ekonomi**

Salah satu lagi kelemahan yang diwarisi Peradaban Islam Melaka ialah dari sudut organisasi ekonomi. Parameswara dan pengganti-penggantinya telah meletakkan kepentingan Melaka ke atas perdagangan. Kaum pedagang diberikan layanan yang baik. Namun, menjelang penghujung kurun kelima belas, keadaan berubah apabila perlumba mencari dan mengumpul kekayaan telah mengetepikan prinsip-prinsip yang menjadikan Peradaban Islam Melaka sebagai emporium perdagangan yang bertaraf antarabangsa. ‘*The peak of civilization in any culture would be expected at the time when economic decline begins*’ (Shepard B. Clough, 1961:6).

Kegemilangan dan kejayaan perdagangan Melaka dikuasai sepenuhnya oleh golongan pedagang-pedagang asing. Kuasa ekonomi dan nadi kejayaan pelabuhan Melaka terletak di tangan mereka. Malang sekali, tiada golongan Melayu kelas pertengahan yang terlibat dalam perdagangan ini. Mereka yang terlibat hanyalah sultan dan golongan pembesar yang semakin hari semakin kaya melalui hasil kutipan cukai, tol dan hadiah-hadiah yang diterima daripada saudagar-saudagar asing. Walaupun mereka memiliki kapal-kapal dan

mempunyai bahagian dalam pelaburan perkapalan, tetapi saudagar-saudagar asinglah yang benar-benar memonopoli perdagangan. Kelemahan sistem ini ialah akan lahir golongan saudagar yang kaya-raya dan berpengaruh di Melaka tetapi ketaatan mereka tidak kepada Peradaban Islam Melaka.

Sementara itu, cukai yang berlebihan dan tidak berpatutan telah memaksa para pedagang asing berpindah ke pelabuhan-pelabuhan, seperti Aceh, Bantam, Patani, Brunei, dan lain-lain. Dasar pilih kasih yang diamalkan oleh Syahbandar menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan pedagang. Hal ini jelas terpamer dengan sistem cukai yang tidak seragam di mana pedagang-pedagang asing seperti India, Ceylon, Pegu, dan Arab dikenakan sebanyak enam peratus, tetapi pedagang-pedagang dari timur seperti China, Jepun, Jawa, dan Maluku tidak dikenakan cukai. Mereka hanya dikehendaki memberikan hadiah sebagai ganti. Pedagang-pedagang tempatan pula hanya dikenakan cukai sebanyak tiga peratus.

Satu lagi kelemahan ekonomi Peradaban Islam Melaka ialah kebergantungan secara total terhadap bekalan makanan import dari luar kerana ketidakmampuan mengeluarkan makanan sendiri. Keadaan ini sudah tentu menimbulkan masalah terutamanya pada waktu-waktu genting menghadapi serangan dari luar. Oleh sebab kemakmuran Peradaban Islam Melaka berkait rapat dengan kemakmuran pelabuhannya, kemerosotan ekonomi membawa kemerosotan kuasa Melaka.

#### **4.1.5 Budaya Bermewah-mewah**

Kemakmuran dan keamanan menyebabkan sultan, para pembesar dan rakyat dibelenggu oleh kemewahan dan ini merupakan petanda awal kemerosotan Peradaban Islam Melaka.

Apabila kemewahan menguasai kehidupan lebih-lebih lagi tanpa keimanan yang benar-benar jitu, akhlak, moral dan nilai-nilai keagamaan masyarakat jatuh ke tahap yang paling rendah. '*Townsmen are so immersed in the habit of luxury, pleasure-seeking, and worldliness, and so accustomed to indulge their desires, that their souls are stained with vice and many other blameworthy qualities, and to the extent they stray away from the path of virtue*' (Rosenthal, 1958, I:253).

Kekayaan dan kemewahan melalaikan Sultan Mahmud Syah. Baginda lebih mementingkan keseronokan, penghormatan dan keagungan. Keadaan bertambah buruk apabila ramai menteri dan pegawai cuai dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan kerana terpesona dengan kekayaan dan kemewahan. Sebagai contoh, semasa pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Syah, baginda sendiri terpaksa keluar malam untuk menangkap pencuri. Aspek keselamatan dalam negeri diabaikan. *Sejarah Melayu* menceritakan bahawa Bendahara Tun Mutahir telah menggunakan jawatannya untuk memperkaya diri dan kaum kerabatnya. Beliau digambarkan memiliki harta yang bernilai enam bahara emas.

'...Bendahara Seri Maharaja pun terlalu baik rupanya, lagi sangatlah hiasan; pada sehari enam tujuh kali bersalin pakaian, baju yang hadir juga seratus banyaknya, pelbagai rupa dan warnanya; destar yang sudah terikat pada kelebut dua tiga puluh semuanya, sudah dipakai belaka'.

(A.Samad Ahmad, 2000:207)

Ibn Khaldun pernah menyebut '*further increase in their prosperity (rafh) and ease (da'ah) would lead to the formation of luxury habits which reach a high degree of refinement in the preparation of food and cooking, in the selection of fancy clothes of silk and brocade, and so on*' (Rosenthal, 1958, I:249-250). Beliau juga mengingatkan bahawa keselesaan hidup

dan kemewahan yang dinikmati setelah mencapai kejayaan boleh merosakkan dan melemahkan perpaduan rakyat. Ia merupakan gejala yang melalaikan golongan pemerintah. Apabila manusia lalai akibat dibuai kemewahan, pegangan agama semakin terhakis. Justeru, budaya *fasad* mudah tersebar di kalangan rakyat dan pembesar : Antaranya ialah rasuah dan fitnah. '*When the strength of man and then his character and religion are corrupted, his humanity is corrupted, and he becomes, in effect, transformed (into an animal)*' (Ibid., I:297).

### a) Gejala Rasuah

Agak sukar bagi kita membezakan antara rasuah dan hadiah di dalam sistem politik Peradaban Islam Melaka yang mengamalkan dasar penganugerahan dan pemberian sebagai membala jasa. Di dalam *Sejarah Melayu* ada disebutkan beberapa peristiwa yang menunjukkan wujudnya gejala pemberian dan penerimaan rasuah di kalangan pembesar dan rakyat. Hang Nadim umpamanya, dalam usahanya untuk mlarikan Tun Teja telah merasuh seorang pelulut. Selain itu, beliau turut menyuruh si pelulut merasuh emas kepada penunggu pintu istana Bendahara Pahang.

Maka oleh Hang Nadim si pelulut itu diberinya emas dan kain baju terlalu banyak. Telah ia memandang harta banyak itu maka tertawarilah hatinya oleh harta dunia. Maka si pelulut itupun mengakulah menanggung rahsia Hang Nadim... Setelah hari malam, maka Hang Nadim pun memanggil si pelulut disuruhnya emasi segala penunggu pintu itu.

(Shellabear, 1992:168-170)

Perbuatan yang sama turut dilakukan oleh Patih Adam dalam usahanya untuk memiliki Tun Minda yang masih gadis. 'Maka oleh Patih Adam diemasinya segala penunggu pintu Seri

Nara Diraja, katanya pada penunggu pintu itu “Berilah aku masuk dengan empat puluh orang ini juga”. Maka kabullah penunggu pintu itu memberi masuk ke rumah Tun Minda ; sebab ia diupah itu, hilanglah setianya (A.Samad Ahmad, 2000:198).

Di Melaka, pengikut-pengikut Tun Hassan Temenggung juga sering menerima rasuah daripada peniaga-peniaga asing. Golongan ini sentiasa bersedia menghulurkan rasuah bagi memastikan keamanan dan kesejahteraan mereka. Sikap Tun Hassan Temenggung yang anti orang-orang bukan Melayu itu disedari oleh anak-anak buahnya. *Sejarah Melayu* menceritakan apabila kehabisan wang belanja, mereka meminta izin membentulkan jalan disebabkan terdapat kedai-kedai yang terlanjur ke jalan. Saudagar-saudagar itu akan menyogokkan mereka agar kedai-kedai mereka tidak dirobohkan (Haron Daud, 1989:131). Ini menggalakkan berleluasanya komplot dan korupsi di peringkat pentadbiran dan ia semakin ketara semasa pemerintahan Sultan Mahmud Syah.

Antara pembesar Melaka yang menerima rasuah ialah Bendahara Tun Mutahir yang menerima sepuluh kati emas daripada Nina Sura Dewana. Walaupun Bendahara menyifatkannya sebagai pemberian ikhlas, namun Nina Sura Dewana berharap Bendahara akan berpihak kepadanya di dalam perbicaraan nanti. Hal yang sama berlaku kepada Laksamana Khoja Hassan yang dirasuah oleh si Kitul dan Raja Mendeliar. ‘...*the laksamana lost his head at the sight of so much money, forgetting the words of the wise, “Oh Gold, thou art not God, yet art thou the Almighty”. He went to the Palace at once and warned his royal master*’ (Wilkinson, 1935:66).

Chandra Muzaffar (1983:54-55) menyifatkan gejala rasuah sebagai satu perbuatan yang dominan dan telah sebatи dalam kehidupan sosial dan politik Melaka terutamanya yang

melibatkan perhubungan antara golongan pembesar dengan saudagar-saudagar asing. Menurut Zainal Abidin Abdul Wahid (1972:25) salah satu punca berleluasanya gejala ini ialah ketiadaan sistem gaji bulanan yang teratur kepada pegawai-pegawai kerajaan. Mereka hanya memperoleh hak kewilayah dan beberapa peratus daripada cukai yang dikenakan ke atas pedagang-pedagang asing. Walaupun gejala ini berleluasa pada zaman Kesultanan Islam Melaka, tetapi tidak semua pembesar terlibat. Namun, menarik untuk diketengahkan, kebanyakan perbuatan rasuah yang dipaparkan di dalam *Sejarah Melayu* berlaku semasa pemerintahan Sultan Mahmud Syah.

### b) Gejala Fitnah

Gejala fitnah ekoran daripada perasaan dendki dan tidak senang melihat seseorang dikasihi raja memundurkan lagi kegemilangan Peradaban Islam Melaka. Gejala ini dibentangkan dengan jelas di dalam *Hikayat Hang Tuah*. Hang Tuah yang sangat dikasihi raja difitnah menderhaka kerana mengadakan hubungan sulit dengan gundik kesayangan sultan. Akibatnya, beliau dihukum bunuh tanpa usul periksa kerana kemurkaan sultan (Kassim Ahmad, 1975:307).

Peristiwa hitam yang sama berulang kembali semasa pemerintahan Sultan Mahmud Syah. Terdapat dua peristiwa fitnah yang berurutan di antara satu sama lain. Si Kitul yang ingin membebaskan diri daripada belenggu hutang telah memfitnah konomnya Bendahara Tun Mutahir menerima rasuah daripada Nina Sura Dewana. Raja Mendeliar yang pernah bersengketa dengan Nina Sura Dewana dan iri hati dengan kekayaan Bendahara yang memiliki emas melebihinya menerima fitnah ini tanpa banyak bicara. Fitnah disampaikan

kepada Sultan Mahmud Syah oleh Laksamana Khoja Hassan yang dikaburi dengan ganjaran lumayan.

Sengketa antara Sultan Mahmud Syah merupakan satu bencana besar yang mengguncang kestabilan negara. Kemuncak konflik ini ialah baginda menerima segala fitnah yang ditaburkan. Berdasarkan wasiat Sultan Alauddin Riayat Syah adalah digambarkan bahawa kejatuhan Peradaban Islam Melaka pada tahun 1511 adalah balasan kekejaman Sultan Mahmud Syah yang mengenakan hukuman bunuh ke atas Bendahara Tun Mutahir. Tulisan Raja Ali Haji dalam *Tuhfat al-Nafis* menyifatkan serangan Portugis adalah ‘qada Allah Taala’. ‘(Syahadan kata sahib al-hikayat) maka apabila lepas Baginda Sultan Mahmud itu membunuh Bendahara Seri Maharaja (itu) dengan tiada sebenarnya itu, maka datanglah kada’ Allah Taala iaitu datanglah Peringgi melanggar negeri Melaka’ (Hooker, 1991:136).

Kegopohan Sultan Mahmud menghukum bunuh Bendahara Tun Mutahir di saat-saat serangan Portugis amat merugikan Peradaban Islam Melaka. Kehebatan dan kewibawaan beliau turut diperakui oleh orang-orang Portugis sehingga Kapitan Mor pernah berkata ‘Pada bicara kita, jikalau lagi ada Bendahara Seri Maharaja, berapa pun besarnya angkatan Goa mau menyerang, Melaka tiada akan alah’ (A. Samad Ahmad, 2000:245). Selain itu, kekejaman Sultan Mahmud juga menyebabkan kehilangan Tun Hassan Temenggung yang pernah mengetuai angkatan perang Melaka sehingga memaksa pihak Portugis berundur. ‘*Thus Malacca lacked wise and forceful leadership at a time when she faced the threat of external attack*’ (Tan Ding Eing, 1975:9).

Peristiwa itu mempamerkan sikap raja-raja Melaka yang mudah mengambil tindakan tanpa menyelidiki terlebih dahulu kebenaran perkhabaran tersebut. Sikap sebegini tidak wajar

dimiliki oleh seorang pemerintah kerana mengakibatkan banyak kerugian kepada rakyat dan negara. Islam sendiri menyeru agar diselidiki terlebih dahulu sesuatu berita yang datang sebelum diterima.

*Do not suspect anyone who works for you with regard to the work with which you have entrusted him, before you have discovered what is the matter with him. For it is a crime to suspect innocent persons and to have a bad opinion of them ... Despise (liars and keep) away calumniators. Your affairs will begin to fail, so far as their effects both in this world and the other world are concerned, as soon as you give access to a liar or boldly use lies yourself... Lying is the beginning of crimes and falsehood, and calumny their end. The calumniator is not safe himself. No friend of a man who listens to (calumny) is safe. Nothing works out well for a person who is governed by (calumny).*

(Rosenthal, 1958, II:144)

## 4.2 FAKTOR LUARAN

### 4.2.1 Serangan Tentera Portugis ke atas Bandar Melaka

Satu lagi kelemahan kerajaan Melaka ialah kelalaian memperkuat sistem pertahanan Melaka. Kekayaan perdagangan tidak disalurkan untuk melengkapkan sistem pertahanan negara. Kelemahan dalaman yang sedia membenggu Peradaban Islam Melaka, ditambah pula dengan kelemahan sistem pertahanan memudahkan tentera-tentera Portugis menawan Melaka. Penawanan ini memastikan keruntuhan peradaban ini secara total setelah mengalami beberapa simptom kelemahan dan kemunduran. Tate (1971:41) menyatakan '*The most spectacular achievement of the Portuguese was to bring an end the Sultanate of Melaka : by then it was probably already on its last legs*'. Walaupun datang dengan

bilangan yang jauh lebih kecil berbanding dengan askar-askar Melaka, tentera Portugis memiliki banyak kelebihan yang menyebelahi mereka.

Disiplin dan dedikasi tentera Portugis dalam menghadapi musuh melebihi apa-apa yang terdapat pada tentera-tentera Melaka. Pengalaman berperang yang luas kerana pernah terlibat dalam peperangan menentang orang-orang Islam di Afrika banyak membantu mereka. Mereka berperang berbekalkan semangat ideologi untuk berbakti kepada raja dan keagungan negara mereka. Semangat Perang Salib dan semangat memerangi orang-orang ‘Moor’ di mana-mana sahaja ditemui, turut menaikkan semangat yang tersemat di jiwa mereka. Di samping itu, mereka memiliki kelengkapan persenjataan yang lebih canggih. Kapal-kapal perang mereka dilengkapi dengan meriam-meriam besar. Berbekalkan senjata-senjata api dan meriam-meriam besar, orang-orang Portugis mempunyai kekuatan yang berganda ketika menyerang Melaka dari laut.

Di samping itu, strategi peperangan yang dilancarkan oleh tentera Portugis memastikan kemenangan berpihak kepada mereka. Strategi yang terancang ini banyak dibantu oleh maklumat-maklumat mengenai sistem pertahanan Melaka dan kepentingan menawan jambatan utama Melaka yang disampaikan oleh Ruy de Aroujo. Satu lagi kelebihan yang ada pada tentera-tentera Portugis ialah memiliki pemimpin-pemimpin yang hebat dan berpengalaman seperti Alfonso de Albuquerque.

Satu lagi kelemahan Peradaban Islam Melaka adalah terlalu bergantung kepada askar-askar upahan asing yang tidak berjuang sepenuh hati dalam mempertahankan Melaka. ‘...pihak yang mempunyai perasaan kekitaan yang satu adalah lebih kuat, dan lebih hebat daripada kumpulan yang terdiri daripada beberapa kumpulan perasaan kekitaan’ (Mukadimah,

1995:333). Walaupun memiliki angkatan tentera yang lebih besar daripada Portugis, harus diingat bahawa sebahagian besar daripadanya terdiri daripada askar-askar upahan Jawa.

*A great part of the army was composed of Javanese mercenaries, for Malacca, like many other empires, had come to depend on foreigners for its defence. There was little love lost between Java and Malacca; like most mercenaries fighting for money, rather than loyalty, the Javanese had no intention of being killed fighting to the death for a state which was about to be defeated. Thus, when during the battle it appeared that the Portuguese were gaining the upper hand, the Javanese retreated. This was enough to ensure a more rapid Portuguese victory. The very cosmopolitan nature of Malacca's population increased its weaknesses, for the majority of the people did not like the privileged position of the Malay ruling class. Popular support for the Sultan was therefore very meagre.*

(Ryan, 1980:40)

Kebanyakan mereka hanya menggunakan senjata-senjata tradisional, seperti tombak, kapak, keris dan panah beracun. Walaupun memiliki senjata-senjata api dan meriam-meriam, namun tidak dapat menandingi kehebatan kelengkapan ketenteraan Portugis. Kelemahan tentera Melaka semakin ketara dengan hilangnya semangat untuk berperang. Sebagai bukti, Sultan Mahmud Syah terpaksa menyarankan agar dibacakan *Hikayat Amir Hamzah* dan *Hikayat Muhammad Hanafiah* bagi mengembalikan semangat mereka.

Kekalahan Peradaban Islam Melaka di tangan Portugis dan kejayaan mengejut Portugis juga diakibatkan kelemahan percaturan Sultan Mahmud Syah yang mempunyai penumpuan yang berbelah bahagi. Baginda bukan sekadar terpaksa mempertahankan kota Melaka daripada serangan Portugis tetapi pada ketika yang sama terlibat di dalam perang saudara menentang Pasai. Pasai sering berusaha untuk mendapatkan ketuanan di wilayah sendiri. Di samping itu, keutamaan pentadbiran pada tahun 1511 telah diberikan terhadap kempen menentang Aru. Penentangan demi penentangan yang berlanjutan menggagalkan Sultan

Mahmud Syah daripada memberikan tumpuan khusus kepada ancaman Portugis. Berbeza dengan pihak Portugis, kedatangan Albuquerque dan rombongannya ke Melaka berbekalkan satu matlamat khusus yang begitu nekad iaitu menawan bandar Melaka (McRoberts, 1984:32-33). Peristiwa peperangan antara tentera Portugis dan tentera Melaka akan dibincangkan lebih lanjut dalam Bab Kelima nanti.

#### 4.3 PENUTUP

Ibn Khaldun menggambarkan bahawa peringkat kemuncak kegemilangan sesebuah peradaban merupakan titik-tolak kepada kemerosotan dan kehancuran peradaban tersebut. Sejarah peradaban manusia merakamkan banyak peradaban agung runtuh apabila berada di puncak seperti mana yang berlaku kepada Peradaban Rom. Sebelum sesebuah peradaban itu runtuh, terdapat simptom-simptom kelemahan dalaman yang begitu kritikal. Kelemahan-kelemahan ini adalah sesuatu yang lumrah melanda hayat sesebuah peradaban. Ia merupakan suatu penyakit berbahaya yang tidak dapat diubati dan dielakkan kerana bersifat semula jadi.

Perkara yang sama turut melanda Peradaban Islam Melaka. Kekuasaan dan kegemilangan Melaka tidak kekal lama akibat merebaknya penyakit-penyakit sosial, seperti budaya fitnah-memfitnah, amalan rasuah, dan perzinaan. Keadaan semakin buruk dengan kelunturan semangat '*asabiyah*' di kalangan penduduk dan kemerosotan ekonomi negara. Ini ditambah pula dengan kezaliman pemerintahan Sultan Mahmud Syah yang bertindak mengikut nafsu. Kezaliman demi kezaliman yang dilakukan terpaksa ditebus dengan bayaran yang amat mahal. Sejarah menyaksikan sebuah peradaban agung dan gemilang di persada antarabangsa terpaksa dilepaskan kepada Portugis.

Kekalahan Peradaban Islam Melaka di tangan Portugis, mungkin dapat dihindari seandainya sultan-sultan Melayu, khususnya Sultan Mahmud Syah melaksanakan dasar-dasar pemerintahan yang adil seperti mana yang diwasiatkan oleh Sultan Alauddin Riayat Syah iaitu mengutamakan perintah-perintah Allah S.W.T. dengan mengetepikan kepentingan-kepentingan dunia. Kehancuran dan kebinasaan juga dapat dielakkan sekiranya sultan-sultan Melayu dan rakyat menjunjung persetiaan yang dimeterai antara Seri Tribuana dan Demang Lebar Daun. Persetiaan ini dapat menjamin kelangsungan sesebuah peradaban dengan mengekalkan kedaulatan raja dan membendung penderhakaan rakyat.

## NOTA HUJUNG

1. Sikap dan perbuatan Sultan Mahmud Syah yang mementingkan hawa nafsu bukan merupakan perkara baru dalam sejarah politik Melayu. Dalam sejarah kerajaan Samudera-Pasai, peristiwa sedemikian telahpun berlaku. Sultan Malikul Mansur pernah merampas gundik saudaranya, Sultan Malikul Tahir. Sebagai balasan, Sultan Malikul Mansur ditangkap dan dibuang negeri. Sikap Sultan Ahmad yang melampaui batas kemanusiaan adalah lebih buruk lagi. Baginda berhikan anaknya sendiri iaitu Tun Medam Peria dan Tun Tekiah Dana. Namun, niat buruk baginda dihalang oleh Tun Berain Bapa, anak lelaki baginda sendiri. Ekoran daripada itu, baginda membunuh Tun Berain Bapa walaupun beliau pernah berjasa mempertahankan Pasai daripada serangan kuasa luar (rujuk A.H. Hill, 1960:74-93).
2. Jika Sultan Mahmud Syah sanggup membunuh adiknya Raja Zainal kerana cemburukan ketampanannya yang menjadi pujaan ramai wanita, Sultan Ahmad Pasai pula telah membunuh anaknya, Tun Abdul Jalil dengan sebab yang sama. Baginda berharap akan berjaya memikat hati Raden Galun Gemerencang yang telah menjadi tunangan Tun Abdul Jalil. Sebaliknya, Raden Galun Gemerencang telah meminta ayahandanya, Raja Majapahit menyerang Pasai sebagai tebusan kematian tunangnya. Akibatnya, Pasai dan negeri-negeri sekitarnya jatuh ke tangan Majapahit (Ibid., 93-99).
3. Mushi Abdullah (1960:42-43) dalam *Kisah Pelayaran Abdullah* memaparkan keadaan masyarakat Melayu di pantai timur pada suku abad pertama abad ke sembilan belas yang tertindas dan sentiasa berada dalam ketakutan berhadapan dengan kezaliman raja-raja Melayu. Beliau merakamkan :

Maka sekalian orang yang dudok dalam negeri itu sentiasa dengan ketakutan akan aniaya dan loba raja2 dan orang-orang besar2. Maka ada-lah pikiran mereka itu, ‘Apa guna rajin kita itu? Maka jika lau kita mendapat sedikit wang atau makanan, nischaya di-lobakan dan di-rampas oleh orang besar itu.

‘Tuan, bawa-lah sahaya bersama-sama. Maka biar-lah sahaya sekalian menjadi hamba tuan, karena tiada sahaya sekalian boleh tahan diam di-bawah perintah raja Melayu ini, karena terlalu besar aniaya-nya’. Maka kata sahaya, ‘Apa aniaya-nya itu?’. Maka kata-nya , ‘Sa-hari2 mengerjakan pekerjaan raja ; dan makan minum sahaya dan anak bini sahaya, tiada di-berinya ; di atas sahaya sendiri juga. Dan lagi, baik perahu atau tanam-tanaman dan hidup-hidupan sahaya sekalian, jikalau di-kehendak raja di-ambilnya sahaja dengan tiada berharga. Dan lagi, kalau ada berharta dan anak perempuan yang baik2, jikalau berkenan raja ; dan jikalau di-tahankan atau tiada di-beri, di-suroh-nya tikam mati2 sahaja... Demikianlah hal sahaya semua-nya dudok dalam negeri Melayu, seperti dudok dalam neraka.

(Ibid., 101-102)